

Usaha2 dijalan untuk 'data base' industri

KUALA LUMPUR 15 April — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Negara usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengadakan 'data base' mengenai tenaga penyelidikan dan pembangunan di sektor industri serta agensi-agensi kerajaan dan seterusnya.

Pada masa lampau, statistik mengenai tenaga penyelidikan telahpun dikumpulkan dan kajian-kajian diteruskan dari masa ke semasa, jelasnya semasa menjawab soalan Senator Abdul Ghani Othman.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri menarik perhatian bahawa usaha-usaha itu juga sedang diperkukuhkan lagi di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML) melalui rancangan untuk mengadakan sebuah pusat maklumat saintifik dan teknologi negara.

Dengan penubuhan pusat itu, tambahnya, semua maklumat mengenai tenaga saintifik, aktiviti-aktiviti penyelidikan dan kedudukan teknologi-teknologi perindustrian akan dapat dikesan serta juga digunakan untuk usaha-usaha mengelakkan duplikasi dan pembaziran serta memperkemaskan lagi aktiviti-aktiviti penyelidikan di negara ini.

"Di bawah RML kerajaan telah menentukan dari segi peratusan jenis-jenis penyelidikan yang harus dijalankan oleh universiti, institut penyelidikan kerajaan dan badan penyelidikan swasta.